



SUSULAN GANGGUAN BEKALAN AIR BERIKUTAN PENUTUPAN LOJI RAWATAN AIR SUNGAI SEMENYIH

Semua pihak perlu duduk berbincang

➔ Usaha atasi pencemaran, gangguan bekalan air menyusahkan orang ramai

Oleh Rafidah Mat Ruzki
dan Nur Fatin Mohd Satar

fidahruzki@bh.com.my

■ Shah Alam

Kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta jabatan berkaitan boleh mengambil pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dalam memastikan masalah pencemaran alam sekitar, termasuk sumber air sehingga mendatangkan masalah kepada orang ramai, diatas.

Peruntukan undang-undang
 Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar, berkata selain itu pendekatan pengurusan strategi, juga duduk bersama, boleh dilaksanakan supaya semua pihak dapat melaksanakan undang-undang masing-masing dalam mengambil tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab melakukan kerosakan itu.

Katanya, piawaian atau peruntukan undang-undang khusus yang boleh diguna pakai semua pihak termasuk kerajaan negeri berhubung pencemaran alam se-

kitar sukar untuk diwujudkan berikutan masing-masing mempunyai bidang kuasa berbeza.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas isu pencemaran Sungai Lalang di kawasan perindustrian Hi-Tech Semenyih, antara cabang Sungai Semenyih, yang menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih ditutup dan memberi kesan kepada 1.3 juta pengguna di sekitar Lembah Klang sejak Khamis minggu lalu.

Penutupan itu adalah yang ketiga untuk tahun ini yang disifatkan Ketua Pusat Fakulti Kejuruteraan (Pengajian Sumber Air dan Sistem Alam Sekitar) Universiti Teknologi MARA, Dr Marfiah Abdul Wahid sebagai kejadian berulang yang seolah tiada penyelesaian.

Katanya, untuk menangani isu pencemaran air, Malaysia perlu mempunyai satu piawaian yang diguna pakai setiap negeri sekali gus mengurangkan masalah rentas sempadan.

Noh berkata, sepatutnya pihak berkaitan memastikan mereka

melaksanakan undang-undang masing-masing bagi mengelak 'Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan ada bidang kuasa masing-masing'.

"Dalam Perlembagaan Persekutuan, kita ada kuasa Kerajaan Persekutuan dan kuasa Kerajaan Negeri. Di peringkat Kerajaan Persekutuan, kita boleh menggubal undang-undang berdasarkan kepada kuasa yang kita ada," katanya.

Perlu bijak merancang

Noh yang juga Pengurus Barisan Nasional (BN) Selangor, berkata Kerajaan Selangor pimpinan PKR juga sepatutnya lebih bijak merancang pencegahan dan menguruskan sumber air di negeri itu termasuk mencari penyelesaian terhadap masalah pencemaran di Sungai Semenyih.

Katanya, ia berikutan masalah pencemaran di Sungai Semenyih bukan pertama kali berlaku, sebaliknya, sebelum ini sumber air mentah berkenaan pernah menghadapi masalah sama.

30 Sep 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: Rafidah Mat Ruzki • Section: Nasional • Page: 12 • Printed Size: 273.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 9,410.55
PR value: MYR 28,231.65 • Item ID: MY0027160632

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2




Di peringkat Kerajaan Persekutuan, kita boleh menggubal undang-undang berdasarkan kepada kuasa yang kita ada”

Noh Omar,
Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

Headline	Punca pencemaran diketahui seminggu lagi		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	30 Sep 2016	Circulation	125,514
Section	Nasional	Readership	947,000
Page No	12	ArticleSize	298 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 10,272
Journalist	N/A	PR Value	RM 30,817
Frequency	Daily		



Punca pencemaran diketahui seminggu lagi

Shah Alam: Punca pencemaran yang mengakibatkan penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih akan diketahui dalam tempoh seminggu lagi, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

BERNAMA melaporkan, beliau berkata, pihak berkuasa masih menyiasat sumber pencemaran itu, sama ada berpunca daripada sektor perindustrian atau sebaliknya.

“Pihak loji sudah mengambil sampel air untuk dianalisis berikutan air berkenaan berbau busuk. Susulan itu, kita juga memeriksa kira-kira 226 kilang di kawasan berhampiran, namun pemeriksaan setakat ini tidak menunjukkan premis berkenaan mempunyai kaitan dengan punca pencemaran air berkenaan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pengurus Kanan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 2016, di sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Air Selangor, Amin Lin Abdullah, ketika dihubungi semalam, berkata pihaknya masih belum mengenal pasti punca pencemaran air yang menyebabkan LRA Sungai Semenyih ditutup.

Tumpu punca pencemaran

“Tumpuan siasatan kami pada ma-

sa ini adalah di kawasan disyaki menjadi punca pencemaran berkenaan,” katanya.

Bagaimanapun katanya, LRA Sungai Semenyih sudah beroperasi sepenuhnya, namun beberapa kawasan masih lagi terjejas, ia berikut penggunaan yang tinggi apabila bekalan pulih.

“Penggunaan air yang tinggi oleh penduduk selepas loji pulih menyebabkan premis di kawasan tinggi atau penghujung sistem agihan tidak mendapat air.

“Kita masih belum dapat menentukan tarikh tepat untuk pemulihan air sepenuhnya, namun segala usaha sedang giat dijalankan bagi memulihkan bekalan air di kawasan yang masih terjejas secepat mungkin,” katanya.

Katanya, sehingga kini sebanyak 57 lori tangki masih lagi menghantar bekalan air di kawasan yang terjejas.



Headline	Punca pencemaran diketahui seminggu lagi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	12	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	298 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,272
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,817



Sungai Semenyih merentasi kawasan perindustrian Hi-Tech, Semenyih yang didakwa menjadi punca pencemaran.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Department of Irrigation and Drainage Malaysia (Department of	1	0	RM 0
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS) (Jabatan	2	0	RM 0
Ministry of Natural Resources and Environment (Ministry Of Natural	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Pelbagai program dekati anak muda

Oleh SITIAISYAHITHNIN

SHAH ALAM: PAS Selangor akan terus menganjurkan pelbagai program untuk mendekati anak-anak muda supaya mendaftar menjadi pemilih PRU ke 14.

Setiausaha PAS Selangor, Mohd Khairudin Othman berkata, jentera PAS sentiasa membuat program-program belia di setiap kawasan di seluruh negeri Selangor.

Katanya, kerjasama PAS Kawasan dengan dewan Pemuda bertujuan menarik anak-anak muda supaya mengenali PAS dengan lebih dekat di samping menyeru mereka menjadi pemilih.

“Paling penting sekarang ini, Adun-Adun kita mendekati belia dalam program-program seperti sukan, program belia supaya dapat menarik minat mereka,” katanya.

Mengulas tindakan PAN yang mahu meletakkan calon di semua kerusi yang ditandingi PAS di Selangor katanya, di mana sahaja PAN bertanding PAS Selangor akan tetap lawan.

Katanya, PAS Selangor tegas tidak akan berunding dengan mana-mana parti terutama PAN untuk pembahagian kerusi pada pilihan raya umum ke-14.



Sokongan anak-anak muda kepada Adun Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman. Beliau disenangi kerana penampilan dan pendekatan mesra dan merendah diri

Beliau berkata tindakan PAN meletakkan calon untuk menentang PAS sebenarnya akan menguntungkan pihak Umno-BN.

“Kita minta dia berfikir dari segi pilihan raya, untung menang pilihan raya ni, jadi kalau masih berdegil untuk masuk bertanding di

mana sahaja PAS bertanding, maka kita tiada pilihan melainkan kita lawan,” tegas Khairudin.

Beliau menegaskan PAS Selangor tetap dengan keputusan tidak akan berunding dengan PAN untuk pembahagian kerusi.

3K pupuk masyarakat cintai Islam

Oleh SITI AISYAH ITHNIN
dan RABITHAH YUSOF

PUCHONG: Karnival Kam-pungku Kesayanganku (3K) menjadi medan untuk memupuk masyarakat supaya lebih memahami Islam secara mendalam.

Program 3K berlangsung selama dua hari menyaksikan pelbagai aktiviti yang diadakan seperti pertandingan seni khat, gubahan bunga, aktiviti memanah dan meneroka angkasa, halaqah ilmu, majlis tahnik dan nikah perdana.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Jawatankuasa Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato'i Dr Ahmad Yunus Hairi mengakui karnival 3K yang dilaksanakan di setiap Kawasan mendapat sambutan memberangsangkan dari-pada masyarakat.

Katanya, program pernikahan perdana cukup mendapat sambutan kerana ia membantu anak-anak muda menyelesaikan masalah kos yang semakin tinggi.

Menurut beliau, tujuan pernikahan perdana itu menerapkan pemikiran perkahwinan bukan satu yang menyusahkan dan memberatkan.

"Bagi yang mampu

mungkin tidak menjadi isu tetapi bagi yang kurang mampu akan menjadi kekangan," katanya.

Beliau yang juga Adun Sijangkang berkata, ia tidak bermakna perkahwinan itu dilihat terlalu mudah tetapi perlu dilihat bagaimana perkahwinan itu dapat membantu dengan kos yang mungkin terpaksa ditanggung oleh pasangan mempelai itu adalah kos yang tidak terlalu memberatkan.

"Saya cukup terasa terutamanya bila saya ingat kawasan Dengkil, keterlibatan orang Asli dalam program pernikahan beramai-ramai cukup mendapat sambutan. Sebahagian mereka memaklumkan mereka cukup bersedia tetapi masalah kewangan, nak bayar mas kahwin pun agak sukar," katanya.

Justeru kata beliau, program pernikahan perdana dijadikan salah satu agenda supaya mereka dapat bersama dengan pimpinan kerajaan.

"Makanan mereka kita bantu, dengan penglibatan daripada Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) dan peruntukan yang kita ada, kita

bantu dan raikan mereka,"

Seramai 10 pasangan pengantin telah dinikahkan dan mendapat cabutan bertuah.

Pada program 3K Daerah Petaling ini, Dr Ahmad Yunus turut merasmikan pelancaran Kelab Anak Muda Islam (KAMI) Daerah Petaling.

Menurut beliau, tujuan kelab ini ditubuhkan adalah untuk melihat bagaimana anak-anak muda dapat mendekatkan diri mereka kepada masjid.

"Kita melihat masjid ramai orang berusia sahaja dan kurangnya anak muda di samping untuk menerapkan pemikiran kepada anak muda bahawa di masjid juga mereka boleh berpersatu, dan boleh melakukan pel

bagai aktiviti," katanya.

Sementara itu, Adun Seri Serdang, Noor Hanim Ismail ketika ditemui *Harakah* ber-kata, program 3K mampu membantu menarik pengundi Melayu menyokong perjuangan PAS.

"Insya-Allah sebab kita di Dun Seri Serdang ini telah berubah kepada 60 peratus pengundi melayu. Jadi

yang kita fokus adalah untuk mendidik insan kearah lebih baik," katanya.

Beliau berkata, sebab itu program 3K ini salah satu cara untuk memupuk seluruh masyarakat memahami Islam secara mendalam.

Tambahnya, inilah masa untuk menerapkan Islam kepada masyarakat berbilang kaum susah supaya lebih memahami Islam.

Dengan adanya program ini, orang Melayu Islam terlibat dalam program-program masjid.

Sebelum itu, Dr Ahmad Yunus bersama Noor Hanim merasmikan mercu tanda Masjid Jantung Pembangunan di hadapan masjid As Salam Puchong Perdana.

Acara kayuhan basikal diketuai Dr Ahmad Yunus dan Noor Hanim dapat menarik minat penduduk yang turut serta dalam program tersebut. Kayuhan tersebut menjelajah kampung di sekitar Dun Seri Serdang.

30 Sep 2016

Harakah, Malaysia

Author: SITI AISYAH ITHNIN • Section: General News • Page: N21
Printed Size: 709.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 5,913.00 • PR value: MYR 17,739.00 • Item ID: MY0027156024



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3



Pasangan pengantin yang mendapat cabutan bertuah dan hadiah daripada Noor Hanim Ismail.



Exco kerajaan negeri Selangor, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi mahu menjadikan program 3K dapat mendidik masyarakat mencintai Islam.



Orang ramai hadir di perasmian penutup oleh Exco Hal Ehwal Agama Islam, Dato' Dr Ahmad Yunus di Masjid As Salam Puchong Perdana.

30 Sep 2016

Harakah, Malaysia

Author: SITI AISYAH ITHNIN • Section: General News • Page: N21

Printed Size: 709.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color

Ad Value: MYR 5,913.00 • PR value: MYR 17,739.00 • Item ID: MY0027156024

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 3



Kesepakatan antara exco dan Adun PAS untuk menjayakan program 3K dengan menjadikan Masjid sebagai Jantung Pembangunan.



Noor Hanim bersama Pegawai Agama Pejabat Agama Islam Puchong merai 10 pengantin dalam program pernikahan perdana.

Bas percuma: Selangor boleh, Pusat pun boleh...

CELOTEH LanH

lanh14@gmail.com

TERSENYUM saya tatkala membaca rencana pengarang *New Straits Times* (NST) bertarikh Jumaat, 23 September 2016 bertajuk *'Free school bus service for all'* (Perkhidmatan bas sekolah percuma untuk semua) yang antara lain menyebut: *"If a free bus service can be provided for adults, as in Selangor, why not school buses for children?"* (Jika perkhidmatan bas percuma boleh disediakan untuk orang dewasa seperti di Selangor, mengapa tidak ia membabitkan bas sekolah untuk kanak-kanak?)

Membaca petikan ayat ini boleh membawa pelbagai tafsiran dan pengertian, salah satunya pengiktirafan dan penghargaan kepada usaha murni kerajaan negeri Selangor yang berusaha untuk 'menyenangkan' rakyatnya!

Syabas kerajaan Pakatan negeri Selangor pimpinan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dan sebelum ini oleh Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim.

Jika kerajaan Selangor boleh menyediakan perkhidmatan bas percuma, kenapa tidak kerajaan-kerajaan negeri lain malah kerajaan Pusat sendiri. Ya, Selangor boleh, negeri-negeri lain malah Malaysia pun boleh!

Sejarah dengan apa disyorkan melalui rencana pengarang itu, kerajaan Pusat melalui pelbagai agensinya dan yang paling penting Kementerian Pendidikan memikirkan secara serius untuk menawarkan perkhidmatan bas sekolah percuma untuk semua kanak-kanak sekolah.

Pihak-pihak berkenaan sewajar berhenti daripada bercakap dan mengesyorkan 'begitu dan begini' kerana usaha mengelakkan kemalangan di depan sekolah yang kerap berlaku perlu diberi perhatian utama sekarang ini.

Bertindaklah secara berkesan daripada banyak bercakap!

Mengenai kos mengadakan perkhidmatan bas sekolah percuma itu, apalah yang 'hendak

dirisaukan' kerana sudah pasti ia 'ciput' (sikit saja) berbanding berbilion-bilion ringgit wang rakyat yang 'hilang entah ke mana'!

Rencana pengarang itu secara tidak langsung telah menjadikan usaha kerajaan negeri Selangor

sebagai contoh. Bercakap mengenai kerajaan negeri ini beberapa hari lalu saya berkesempatan solat Jumaat di sebuah masjid di Selangor dan di sana saya berpeluang mendapatkan akhbar *'Selangor Kini'* bertarikh 23-30 September 2016.

Akhbar ini diberikan percuma sejajar dengan perkataan PERCUMA yang dicetak di muka depan.

Berdasarkan pengalaman saya, ada kerajaan negeri lain yang mengeluarkan buletin yang diedarkan secara percuma di masjid dan premis awam tetapi di muka depannya ditulis harganya, misalnya RM1.50.

Persoalananya, jika akhbar diedarkan secara percuma, mengapa perlu diletakkan harganya? Kita bimbang kos pengendalian akhbar itu dibayai daripada wang rakyat...tetapi wang perolehannya masuk ke kantung pihak tertentu.

Ya, kerajaan Selangor sudah menunjukkan contoh yang baik - jika percuma katakan percuma, tidak perlu berselindung apa-apa lagi. Jika akhbar percuma bagi saja secara percuma; demikian juga bas atau perkhidmatan lain, jika percuma tidak hayah susahkan

rakyat dengan macam-macam syarat seperti "awak mesti sokong parti kami" atau hendak letakkan logo parti pada barang seperti peralatan tulis, kampit baja atau beras.

Ringkasnya, beri saja pada rakyat, jangan banyak 'songeh-songeh'. Ini baru kerajaan menyenangkan rakyat, bukan menyusahkan mereka seperti dikenakan GST tetapi

dipropagandakan melalui media massa bahawa 'GST memberi kebaikan kepada rakyat'. Apa punya cakap daa!

Sempena 'pengiktirafan' NST kepada perkhidmatan bas percuma Selangor, saya petik mutiara kata MB Azmin Ali yang disiarkan di muka tengah Selangor Kini. Cuba bandingkan pula dengan kata-kata seorang pemimpin Umno Selangor tidak lama dulu.

**Terima kasih rakyat
(Genap dua tahun memikul amanan)**

*Inilah realiti Selangor.
Rencam dan penuh harapan.
Usah bimbang dan gundah
gulana.*

*Ekonomi kuat, rakyat selamat,
negeri berkat.*

*Rakyat telah memberikan
Mandat berdasarkan
muafakat yang berpegang
kepada prinsip keadilan dan
kemakmuran untuk semua.
Jangan khianati amanah.*

*Kain songket tenunnya halus,
Sesuai dipakai segak terikat,
Pemimpin adil mentadbir telus,
Dihargai rakyat sepanjang hayat.
(Dato' Seri Mohamed Azmin*

**Ali)
Selangor Kini (23-30 September 2016)**

Manakala di bawah ini ungkapan seorang Ketua Wanita Umno Bahagian mengenai keadaan di Selangor dalam sajak bertajuk 'Selangor Kini' tidak lama dulu.

*Pakatan rakyat makin terdesak,
DAP pula sentiasa mengasak,
Otak MB dah makin rosak,
Keputusan dibuat,
Betul ke tidak?
Rakyat Selangor sudah masak,
Lakonan mereka,
Semakin nampak,
Ke mana-mana orang,
Dah mula berborak,
Menyokong PR parti,
Yang hapak.*

Premis judi tidak takut

➤ Kewujudan premis-premis judi di sekitar Lembah Klang semakin banyak dan berleluasa.

➤ Pengusaha berani tawar pelbagai perkhidmatan maksiat dalam satu pakej.

➤ Mereka juga tidak boleh ditegur hingga ada penduduk disiram air panas.



Dalam premis mesin judi terdapat juga ah long yang sedia menawarkan hutang kepada kaki-kaki judi, bilik untuk pelacuran, bar minuman keras dan sebagainya.”

MUHAMMAD YUSUF AZMI
Pengarah Unit Tindakan Khas
Persatuan Pengguna Islam Malaysia

Premis mesin judi semakin berleluasa di Selangor, Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR 29 Sept. – Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) diminta lebih serius dan proaktif dalam mengambil tindakan terhadap premis-premis mesin judi yang semakin banyak dan berleluasa terutamanya di sekitar Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Pengarah Unit Tindakan Khas Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Muhammad Yusuf Azmi berkata, jika pihak berkuasa berkenaan boleh mengambil tindakan sehingga ada kilang, restoran, kedai dan peniaga-peniaga kecil

yang premis mereka disita, ditutup dan dihentikan operasi atas pelbagai kesalahan, sudah sepertutnya premis mesin judi turut mengalami nasib yang sama.

“Tetapi apa yang berlaku hari ini, premis berkenaan bukan sahaja tumbuh bagi cendawan selepas hujan dan jika hari ini dua premis mesin judi diambil tindakan, esoknya kita dapat dibuka lagi dua tiga premis mesin judi di tempat lain.

“Kita dapat pada hari ini di mana sahaja terdapat perumahan dan kedai dalam satu lokasi, iaitu lot-lot kedai di tingkat bawah dan perumahan di tingkat atas, pasti ada pusat-pusat judi haram atau halal akan dibuka di lot-lot kedai tersebut,” katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Presiden Gerakan Banteras Aktiviti Haram (GBAH), Ariffin Abu Bakar.

Muhammad Yusuf berkata, terdapat kejadian seorang penghuni perumahan diserang oleh pengusaha premis judi haram apabila premis itu menyebabkan berlakunya halangan pada laluan.

“Ini berlaku apabila pengunjung premis berkenaan meletakkan kenderaan motosikal mereka sesuka hati menyebabkan penghuni dari tingkat atas menghadapi kesukaran tetapi apabila ditegur, penghuni perumahan itu pula diserang dengan disiram air panas,” katanya.

Malah lebih teruk katanya, premis-premis mesin judi itu menawarkan pelbagai lagi perkhidmatan maksiat dalam satu pakej.

“Ini kerana dalam premis mesin judi terdapat juga ah long yang sedia menawarkan hutang kepada kaki-kaki judi, bilik untuk aktiviti pelacuran, bar minuman keras dan sebagainya yang menjadi punca kepada pelbagai kegiatan jenayah dan gejala sosial,” katanya.

30 Sep 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 3,32 • Printed Size: 324.00cm²

Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 6,403.64

PR value: MYR 19,210.92 • Item ID: MY0027160720

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



SEORANG anggota polis memeriksa buku dan peralatan perjudian sabung ayam yang dikesan menggunakan kaedah atas talian. - IHSAN PDRM

Author: OtehZULFADU SHARJFUDIN. FAUZI5UHAIMI dan AMIRUL AIMAN ANUAR kota@utusan0-up.com.my
Section: Dlm Negeri • Page: 34 • Printed Size: 1560.00cm² • Market: KL
Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 31,115.00
PR value: MYR 93,345.00 • Item ID: MY0027160822

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 3



Kehidupan penduduk Taman Setia 2, Balakong terganggu sejak dua bulan lalu

Pusat judi dibina dekat rumah

Author: OtehZULFADU SHARJFUDIN. FAUZI5UHAIMI dan AMIRUL AIMAN ANUAR kota@utusan0-oup.com.my
Section: Dlm Negeri • Page: 34 • Printed Size: 1560.00cm² • Market: KL
Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 31,115.00
PR value: MYR 93,345.00 • Item ID: MY0027160822



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3



Oleh ZULFADLI SHARIFUDIN,
FAUZI SUHAIMI
dan AMIRUL AIMAN ANUAR
kota@utusan.com.my

MUKADIMAH

KETIKA membuat keputusan membeli rumah di Taman Setia 2, Balakong, Seri Kembangan, 11 tahun lalu, penduduk mengimpi suasananya kejiran yang harmoni dan selamat.

Malangnya impian itu seolah-olah bertukar "mimpimed' apabila sejak beberapa bulan lalu kawasan berhampiran perumahan itu diperlukan lambakan pusat judi.

Selain pusat judi, pembinaan sebuah kilang haram dan kuil berhampiran kawasan perumahan itu turut mengganggu kehidupan penduduk.

Skuad Terjah minggu ini meninjau kawasan perumahan itu bagi melihat sendiri dan memanjangkan masalah yang membenggu kira-kira 60 buah keluarga itu kepada pihak berwajib.

PEMBINAAN kilang haram berhampiran Taman Setia 2, Balakong menimbulkan rasa kurang senang penduduk kerana sering terganggu dengan operasi kilang berkenaan. - UTUSAN/ NOOR AZLINA JAAFAR

■ KUALA LUMPUR 29 SEPT.

PUSAT judi haram berhampiran perumahan Taman Setia 2, Balakong kini bertambah dengan banyaknya seolah-olah tiada pemantauan dari pihak berwajib.

Penduduk mendakwa banyak laporan telah dibuat kepada pihak polis dan pihak berwajib tempat, namun kedai judi tersebut masih turus beroperasi seperti biasa, malahan ada yang baru dibuka.

Tinjauan Skuad Terjah ke lokasi mendapati pusat judi yang dimaksudkan hanya terletak kira-kira kurang 10 meter dari kawasan perumahan yang mempunyai 60 buah keluarga itu.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Setia 2, Misman Pangat, 52, berkata, selain pusat judi, kewujudan sebuah kilang haram menimbulkan rasa kurang senang penduduk kerana sering terganggu dengan operasi kilang berkenaan.

Selain itu katanya, pembinaan kuil di kawasan itu turut menim-



Kami tidak membantah secara keras, tetapi meminta jasa baik pihak bertanggungjawab memindahkannya di kawasan yang lebih sesuai."

MISMAN PANGAT
Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Setia 2

bulkan rasa kurang senang penduduk.

Katanya, ketiga-tiga masalah itu bukan sahaja mengancam keselamatan tetapi turut mewujudkan suasana kacau ganggu kepada penduduk.

"Sebelum ini kuil yang dibina hanya kecil sahaja kerana mungkin kawasan sini adalah majoriti orang Melayu, tetapi kini saya lihat kuil itu semakin besar sedangkan ia dibina di atas tanah rizab Jabatan Pengairan dan Sumber (JPS).

"Kami tidak membantah se-

caria keras, tetapi meminta jasa baik pihak bertanggungjawab memindahkannya di kawasan yang lebih sesuai," katanya.

Sehubungan itu penduduk mendesak pihak berwajib segera bertindak sebelum masalah itu menjadi lebih parah.

MPKj keluar notis penguatkuasaan

KUALA LUMPUR 29 Sept. - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) akan mengeluarkan notis tindakan penguatkuasaan di bawah Akta 172 terhadap pengusaha kilang di kawasan Taman Setia 2, Balakong di sini.

Penolong Pegawai Tadbir, Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam MPKj, Nadhirah Mohd. Noor berkata, tindakan itu diambil ekoran kedekilan pengusaha membina kilang tanpa kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"MPKj mengambil maklum perkara ini dan siasatan telah dilakukan pihak yang bertanggungjawab.

MAKLUM BALAS

"Malah, beberapa aduan daripada orang ramai juga telah diterima khususnya penduduk di kawasan sekitar," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai keimbangan penduduk Taman Setia 2 di sini berhubung isu yang berlaku di kawasan itu juga.

Dalam pada itu, Nadhirah berkata, isu yang melibatkan pembinaan kuil haram di kawasan itu juga akan dibawa ke mesyuarat Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI).

"Mesyuarat itu akan diadakan dalam masa terdekat dan akan dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) serta siasatan lanjut akan dijalankan.

"Hasil siasatan itu akan memerlukan sama ada kuil itu akan dipindahkan ke kawasan bersesuaian atau kekal berdasarkan kepada keputusan mesyuarat nanti," katanya.



Author: OtehZULFADU SHARJFUDIN. FAUZI5UHAIMI dan AMIRUL AIMAN ANUAR kota@utusan0-oup.com.my
Section: Dlm Negeri • Page: 34 • Printed Size: 1560.00cm² • Market: KL
Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 31,115.00
PR value: MYR 93,345.00 • Item ID: MY0027160822

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 3

REAKSI

HIDUP TERGANGGU



KAMI amat berharap pihak berkuasa tempatan menangani isu yang dibangkitkan dengan cara berhemah. Ini bagi memastikan penduduk dapat hidup dengan lebih tenteram.”

ZAINAL ABIDIN ISMAIL, 60
Penduduk



PUSAT judi berhampiran perumahan ini bertambah dengan banyaknya dan amat membimbangkan. Keadaan ini seolah-olah tiada pemantauan daripada pihak berkuasa.

SUFIAH BANI, 55
Penduduk



KETIGA-TIGA masalah yang dibangkitkan penduduk perlu diberi perhatian pihak berwajib. Jangan biarkan perkara ini berterusan tanpa sebarang tindakan.

ISHAK SAMSUDIN, 56
Penduduk

MPS tawar diskaun kompaun letak kereta RM20

SELAYANG 29 Sept. - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mewarkan diskaun RM20 bagi bayaran setiap kompaun letak kereta tertunggak bermula 4 Oktober hingga 30 November depan. Yang Dipertua, Suliman Abd. Rahman berkata, tawaran

itu sebagai galakan kepada mereka untuk menjelaskan kompaun kesalahan sebelum tindakan lanjut dikenakan.

Menurutnya, selepas tamat tempoh tawaran tersebut, MPS akan melaksanakan operasi mencari pesalah tegar yang mempunyai

tunggakan kompaun berkenaan.

“Selain tunda dan mengunci tayar kenderaan, pesalah juga turut berhadapan tindakan mahkamah dan waran tangkap,” katanya ketika mempergerusikan Mesyuarat Majlis MPS Bil. 09/2016 di sini hari ini.

PEROSAK JALAN

■ 400 penduduk tak senang hati lori hantu lalu kediaman setiap hari sejak dua bulan lalu

Mohd Husni Mohd Noor
 mhusni@hmetro.com.my

Sepang

Lebih 400 penduduk di Taman Desa Restu, di sini, hidup dalam keimbangan berikutan kehadiran lori hantu yang memasuki kediaman mereka hampir setiap hari sejak dua bulan lalu.

Difahamkan, lori hantu berkenaan memasuki kawasan perumahan itu bagi mengelak dicukup pihak penguat kuasa yang kerap menjalankan operasi dan pemeriksaan di laluan utama di Jalan Labuhan Dagang-Nilai, di sini.

»2

PENDUDUK Taman Desa Restu menunjukkan jalan rosak akibat lori pasir yang masuk bersembuyi daripada pihak penguat kuasa di taman perumahan mereka.



Tonto jaga lori hantu

■ Penduduk bingung fikirkan cara halang kenderaan berat masuk kawasan kediaman

«DARI MUKA I

Keadaan itu bukan hanya mengganggu pergerakan keluar dan masuk penduduk malah merosakkan jalan di kawasan perumahan itu.

Seorang penduduk, Shahru Nizar Baharudin, 44, berkata, dia bersama penduduk lain sudah bingung memikirkan cara untuk menghalang lori berkenaan daripada memasuki kediaman.

Menurutnya, sebelum ini, ada seorang lelaki yang juga penduduk di sini menegur tindakan pemandu lori hantu itu dan mengarahkan mereka supaya keluar daripada kawasan perumahan namun, keesokannya beberapa lelaki dipercayai tonto datang ke rumah penduduk itu.

"Mujur ketika itu, lelaki berkenaan tiada di rumah. Kami tidak pasti apa yang tonto itu hendak lakukan namun, saya pasti semua penduduk berada dalam kebimbangan."

"Sejak itu, kami lebih banyak bersabar dan tidak berani melakukan sesuatu kerana bimbang diapa-apakan pemandu lori dan tonto berkenaan," katanya ketika ditemui.

Sementara itu, seorang penjawat awam, Khairul Ahmad, 39, ketika ditemui berkata, dia bersama penduduk lain sudah menghantar aduan kepada Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) namun, pihak berkuasa tempatan itu mengarahkan pihaknya supaya melaporkan perkara itu kepada Jabatan Pengangkutan Jalan dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Menurutnya, dia mahu pihak berkuasa mengambil maklum mengenai perkara itu kerana tindakan lori hantu berkenaan semakin melampau dan berani.

"Bayangkan, penduduk terpaksa bersesak-sesak di laluan utama di pintu masuk taman perumahan ini seawal jam 6.30 pagi bagi memberi laluan kepada lori hantu berkenaan," katanya.

Katanya, hampir setiap hari, kira-kira lima hingga enam biji lori hantu yang sarat dengan muatan pasir menuju kawasan perumahan untuk bersembunyi daripada pihak berkuasa.



“

Bayangkan, penduduk terpaksa bersesak-sesak di laluan utama di pintu masuk taman perumahan ini seawal jam 6.30 pagi bagi memberi laluan kepada lori hantu berkenaan”

Khairul Ahmad

>>**Enam lori sarat muatan pasir masuk kawasan perumahan setiap hari**



JALAN rosak akibat lori pasir yang masuk ke kawasan perumahan Taman Desa Restu.

30 Sep 2016

Harian Metro, Malaysia

Author: Mahaizura • Section: Supplement • Page: 1,2 • Printed Size: 368.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 14,496.97
PR value: MYR 43,490.91 • Item ID: MY0027161186



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2



Retak menanti belah

Mahaizura Abd Malik

mahaizura@hmetro.com.my

Puchong: Kewujudan beberapa rekanan di Blok F6 Flat Taman Puchong Permai Fasa 1C. di sini, mungkin keresahan dalam kalangan penduduk berikutnya kcretakan di dakwa semakin serius, se kali gus boleh mengancam nyawa mereka.

Tinjauan Metroplus ke flat berkenaan mendapati rekanan berlaku di tepi tembok, dinding serta lantai luar koridor, namun ada sebahagian daripadanya turut ditampal dengan simen tetapi hanya bersifat sementara.

Rekahan sejak 9 tahun lalu hanya ditampal simen

Suri rumah Rosnawati Abdullah, 41, yang menetap di tingkat 10 flat berkenaan berkata, kesan rekahan berkenaan disedarinya sejak dia dan keluarganya menetap di perumahan terbabit kira-kira lima tahun lalu.

"Kesan retak ini semakin lama semakin besar menyebabkan saya bimbang jika batunya akan jatuh serta mengancam keselamatan dan nyawa penduduk yang menetap di flat ini."

"Setiap hari kami sekeluarga perlu melalui jalan ini untuk ke lif. Saya bimbang keselamatan kami sekeluarga terutama anak-anak yang sering bermain di kawasan koridor ini," katanya.

Penghuni lain Hafiza Has-

him, 28, berkata pihaknya memohon pihak berkuasa tempatan (PBT) melakukan pemeriksaan dan menyelesaikan masalah itu bagi mengelak kejadian lebih buruk berlaku.

"Memang takut dan bimbang berlaku apa-apa kerana rekahan ini sudah retak sampai ke bawah. Masalah ini sudah berlarutan sejak saya menetap di sini kira-kira sembilan tahun lalu dan setakat ini tiada perubahan atau pembaikan dilakukan, cuma hanya ada tampaian saja."

"Justeru, saya berharap pihak berkenaan dapat melakukan sesuatu kerana bimbang nyawa orang ramai semakin terancam dengan keadaan ini," katanya.

Sementara itu, Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) Muhammad Azli Miswan berkata, pihaknya meminta penduduk membuat aduan berhubung masalah keretakan terbabit kepada syarikat penyelenggaraan pangaspuri (MC) supaya tindakan susulan dapat dilakukan dengan segera.

"Untuk makluman, Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPSJ sudah membuat lawatan dan pemeriksaan ke flat berkenaan. Semakan melalui pejabat MC juga mendapati aduan dibuat pada tahun lalu sudah diambil tindakan, bagaimanapun tiada aduan baru dibuat mengenai keretakan berkenaan pada kali ini," katanya.



PENDUDUK menunjukkan rekahan pada tembok di Flat Taman Puchong Permai Fasa 1C.

Pagi tanggal, petang tampal

Iklan haram dipasang semula selepas dibersihkan

Kajang

Pagi tanggal, petang ada balik. Itu gambaran 'kerajinan' konco iklan haram yang dipasang pada pokok dan tiang lampu di sekeliling taman perumahan Impian Setia, Saujana Impian, di sini.

Bagi membersihkan kawasan perumahan itu daripada iklan haram, satu program gotong-royong membabitkan penduduk diadakan, baru-baru ini atas kesedaran tanggungjawab itu tidak seharusnya diletakkan ke atas pihak berkuasa se-mata-mata.

Pengerusi Persatuan Komuniti dan Khairat Impian Setia (PERKIS), Mohamad Norwafi Sahroni berkata, iklan haram yang banyak dipasang pada pokok dan tiang lampu di taman perumahan itu ialah iklan ceti haram atau along, kereta sewa, rumah untuk dijual atau lelong serta lori untuk disewa.

"Pemasang iklan haram ini aktif dan rajin. Apabila penduduk secara bersendirian

membuangnya pada waktu pagi, ada kalanya pada petang hari sama ia dipasang semula.

"Jika mereka rajin pasang, kita kena rajin membuangnya. Kita tak boleh harap pihak berkuasa saja, se-baliknya penduduk sendiri kena memberikan kerjasama," katanya.

Menurutnya, program gotong-royong itu bukan semata-mata untuk membersihkan taman perumahan itu daripada iklan haram tetapi mempunyai serampang tiga mata.

"Selain membersihkan taman perumahan kami daripada iklan haram, program gotong-royong itu turut membabitkan kerja mencantas dahan pokok di tepi jalan agar tidak menghalang laluan.

"Selain itu, ia juga bertujuan mengeratkan silaturahim sesama penduduk ke-

rana bukan senang untuk kami berkumpul bera-mai-ramai disebabkan kesibukan kerja masing-masing," katanya.

Mohamad Norwafi berkata, dia dan jawatankuasa PERKIS gembira apabila program diadakan mendapat kerjasama baik daripada penduduk dan mencapai matlamatnya.

Menurutnya, 100 penduduk Impian Setia menyertai aktiviti gotong-royong itu termasuk golongan wanita yang menyumbang tenaga dengan menyediakan makanan dan minuman.

Beliau turut merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPK) kerana membantu menyediakan peralatan dan dua lori untuk menambah kelancaran kerja pembersihan.

Jika mereka rajin pasang, kita kena rajin membuangnya

Mohamad Norwafi



30 Sep 2016

Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Supplement • Page: 4 • Printed Size: 406.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 15,993.94
PR value: MYR 47,981.82 • Item ID: MY0027161188

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahotungor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



PENDUDUK bergotong-royong menurunkan ikian haram dan mencantas ranting pokok di kawasan perumahan Impian Setia.

Headline	Air Selangor gantung pekerja khianat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	30 Sep 2016	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	57	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	55 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,269
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,808



Air Selangor gantung pekerja khianat

Kuala Lumpur: Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menggantung seorang pekerja kerana disyaki terbabit dalam perbuatan khianat yang menyebabkan gangguan bekalan air hingga menjelaskan 340,000 pengguna di Klang dan Petaling 1 September lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor Suhaimi Kamaralzaman berkata pekerja tersebut digantung pada 6 September manakala laporan polis berhubung kejadian itu

dibuat pada 9 September lalu.

Katanya laporan siasatan juga dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

"Gangguan itu menjelaskan lebih 39,000 akaun di 24 kawasan di Klang dan 29,000 akaun di 27 kawasan di Petaling, terutamanya di kawasan Sime UEP," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Bekalan air kembali pulih pada 2 September.
- BERNAMA

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
National Water services Commission(NWSC) (National Water services	6	0	RM 0
Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor Sdn Bhd)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A



RM4.6j bina kolam

Projek dijangka siap tahun depan, bantu elak kejadian banjir berulang

BANTING- Kerajaan Selangor meluluskan Projek Kolam Takungan Pekan Banting Fasa 1, bagi mengelakkan banjir berlaku di beberapa kawasan di sini.

Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid berkata, projek yang dianggarkan bernilai RM4.6 juta itu sedang rancak dijalankan dan dijangka siap selewat-lewatnya tahun depan.

